



Teruja menerokai tata bahasa.

BERITA HARIAN 17/11/2016

p. v9

Pelajar UPM Bintulu bantu tingkat skil berkomunikasi

info

ICE

→ SK Kampung Igan antara 19 sekolah rendah di Sarawak yang diiktiraf sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKKK) - Tahap C (Luar Bandar)

→ Kelab Orator UPM Kampus Bintulu adalah kelab berasaskan aktiviti perbahasan, pidato dan debat.

→ Program ini bagi meningkatkan bakat pelajar untuk lebih bersedia serta yakin semasa berkomunikasi.

Mukah: Seramai 25 pelajar Kelab Orator, Universiti Putra Malaysia (UPM) Kampus Bintulu, Sarawak membantu memberi kesedaran awal mengenai kepentingan kemahiran berkomunikasi membabitkan murid Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Igan, di sini, baru-baru ini.

Pengerusi Kelab Orator UPM Kampus Bintulu, Mohammad Thalhah Jamil, berkata program itu adalah pengalaman terbaik kepada ahli kelab dalam melakukan aktiviti bersama sekolah dan menyumbang kemahiran mereka kepada murid berkenaan.

“Melalui program itu, murid diperkenalkan dengan kemahiran dan pembangunan keyakinan diri untuk berucap di khalayak ramai, selain itu, mereka turut menerokai bahasa, terutama meningkatkan tata bahasa dalam pengucapan awam.

“Pertandingan bercerita

antara kumpulan turut diadakan bagi menilai tahap pencerapan kemahiran selain aktiviti keluarga angkat antara penduduk Kampung Igan bersama pelajar UPM Kampus Bintulu.

Pembangunan bakat

Sementara itu, Guru Besar SK Kampung Igan, Azman Madaud, berkata pihak sekolah amat mengambil berat kemahiran pengucapan awam seawal mungkin bagi mengenal pasti pembangunan bakat murid terutamanya untuk mewakili sekolah dalam pertandingan seperti pidato, perbahasan dan bercerita.

“Usaha ini akan diteruskan lagi dan kami amat mengalu-alukan kerjasama yang dilaksanakan dengan pelajar UPM Kampus Bintulu serta sedang menyusun strategi pembelajaran kemahiran pengucapan awam secara sistematis kepada murid,” katanya.



Murid belajar pengucapan awam.